

Ikhlas dedah penglibatan peniaga asing dalam perhimpunan Bersih 3.0
Utusan Online
06 Mei, 2012

KUALA LUMPUR 5 Mei - Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (Ikhlas) mendedahkan perhimpunan Bersih 3.0 yang mengakibatkan huru-hara di ibu negara minggu lalu, bukan sahaja didalangi anggota pakatan pembangkang malah turut disertai peniaga-peniaga warga asing.

Presidennya, Mohd. Ridzuan Abdullah berkata, kumpulan warga asing dari Indonesia dan Bangladesh itu dilihat memakai baju kuning Bersih 3.0 dan turut sama menyertai perhimpunan haram di sekitar Dataran Merdeka.

Jelas beliau, selain daripada menyertai perhimpunan yang mengakibatkan pelbagai kerosakan harta awam itu, peniaga-peniaga terbabit turut dikesan mengambil kesempatan menjaja semasa demonstrasi tersebut.

"Saya telah menghantar wakil dan dia mengakui melihat ramai peniaga warga asing di dalam perhimpunan itu.

"Pihak polis serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur perlu memandang serius penglibatan peniaga warga asing dalam perhimpunan haram itu dan mengambil tindakan sewajarnya," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perhimpunan aman bagi membantah Bersih 3.0 di hadapan Kompleks Pertama di sini hari ini.

Sementara itu, jelas Mohd. Ridzuan, pihaknya sehingga kini telah mengumpul sebanyak 200 aduan daripada peniaga-peniaga di sekitar ibu negara yang terjejas akibat perhimpunan haram itu.

"Kita baru membuka kaunter aduan ini selama dua hari dan kami akan teruskan selama seminggu sebelum kami meminta peniaga-peniaga yang terjejas ini membuat laporan polis.

"Dalam perhimpunan Bersih 2.0 dahulu, sebanyak 317 laporan polis telah dibuat peniaga dengan kerugian sebanyak RM817,000 tetapi sampai sekarang kita masih belum mendapat maklum balas daripada mana-mana pihak termasuk penganjur Bersih itu sendiri serta daripada Peguam Negara," kata beliau.

Tegas Mohd. Ridzuan, pihaknya meminta Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan tegas dan segera terhadap penganjur Bersih 3.0, Datuk S. Ambiga yang menjadi punca kepada segala kacau-bilau yang telah menjejaskan pendapatan ratusan peniaga tersebut.

"Saya meminta KDN mengambil tindakan tegas terhadap Ambiga, dia punca segalanya, jangan pergi tangkap ikan bilis sahaja, tangkaplah kepalanya atau kita sendiri yang akan berhimpun di depan rumah Ambiga untuk membuat bantahan.

"Saya pesan kepada Ambiga agar jangan lari dari Malaysia, kita akan kejar dia sampai kita mendapat pampasan," katanya yang juga bersedia membawa peniaga-peniaga menjadi saksi di mahkamah bagi menuntut kerugian yang dialami.

Source:

http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0506&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_05.htm